

03 APR 2001

Parlimen-Mahathir (Sasaran)

MALAYSIA CATAT PERTUMBUHAN 7.0 PERATUS WALAUPUN EKONOMI GAWAT

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Malaysia mencapai sasaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) apabila ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan 7.0 peratus setahun antara 1991 dan 2000 walaupun terdetusnya krisis ekonomi di rantau ini pada penghujung tempoh rancangan tersebut.

"Lebih penting lagi, pertumbuhan ini dicapai dalam persekitaran inflasi yang rendah, harga yang stabil dan guna tenaga yang penuh," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di Dewan Rakyat hari ini.

Selain itu, pendapatan per kapita meningkat kepada kadar purata 7.8 peratus setahun dan bertambah sekali ganda daripada RM6,298 kepada RM13,359 antara 1990 dan 2000.

Beliau berkata sektor swasta dan eksport merupakan pemangkin kepada pertumbuhan pesat dalam dekad yang lepas, berbeza daripada tahun 1980-an apabila sektor awam menjadi penggerak utama ekonomi negara.

"Ini adalah selaras dengan strategi Kerajaan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan," katanya.

Di samping itu, kemasukan pelaburan asing secara langsung (FDI) yang besar dalam sektor pembuatan telah menambah keupayaan industri berorientasikan eksport, termasuk sektor minyak, gas dan petrokimia serta pelaburan dalam bidang yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi, serta menyumbang kepada peningkatan pelaburan swasta.

Kemasukan pelaburan asing secara langsung terus kekal walaupun ketika negara menghadapi krisis kewangan. "Kita berjaya mendapatkan lebih banyak pelaburan semula daripada syarikat multinasional yang beroperasi di negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, "ini menggambarkan bahawa pelabur jangka panjang terus yakin dengan ekonomi kita".

Beliau berkata sebahagian besar pelaburan asing secara langsung mengalir ke industri berteknologi tinggi setelah sektor teknologi maklumat (IT) yang kini diberikan penekanan.

Pelaburan swasta telah terjejas teruk pada tahun 1998 disebabkan oleh kejatuhan permintaan dan kehilangan keyakinan pelabur akibat krisis kewangan.

Eksport juga menjadi penyumbang yang bertambah penting kepada pertumbuhan. Keluaran tempatan mampu bersaing dan menembusi pasaran dunia termasuk pasaran negara-negara maju.

Eksport, terutamanya menjadi penting dalam memacu pemulihan daripada krisis kewangan. Ia telah berkembang pada kadar purata 16.7 peratus setahun, melepasi sasaran yang ditetapkan di bawah RRJP2 malah lebih kukuh dalam tempoh 1998-2000.

Krisis kewangan yang melanda Asia telah sedikit sebanyak menjejaskan pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara. Walaupun demikian, Malaysia telah muncul menjadi lebih berdaya tahan dengan asas yang lebih kukuh.

Kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran semakin positif dan teguh berikutan pertumbuhan pesat eksport barangan. Akaun barangan memperolehi lebihan yang terbesar pernah dicatatkan iaitu sebanyak RM86.5 bilion pada tahun 1999.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan hutang luar negara berada pada paras yang mudah diurus dan selaras dengan itu, ia membuat pembayaran awal secara terpilih bagi hutang luar negara yang berkos tinggi.

Hasilnya, hutang luar negara Kerajaan Persekutuan telah berkurangan dari RM24.7 bilion pada akhir tahun 1990 kepada RM13 bilion pada akhir tahun 1997.

Bagaimanapun, berikutan krisis kewangan, kerajaan telah meminjam sedikit dari luar negara untuk membiayai perbelanjaan mengembang dan memulihkan ekonomi Malaysia.

Meninjau prestasi sektor-sektor ekonomi negara, Dr Mahathir berkata sektor pembuatan telah berkembang pada kadar 10.4 peratus setahun dan telah mendahului pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RRJP2.

Pertumbuhan sektor pembinaan amatlah pesat terutamanya dalam tempoh 1991-1997. Sektor kecil kejuruteraan awam telah dirangsang oleh penswastan projek infrastruktur yang besar seperti jalan raya, lebuh raya, lapangan terbang, penjana tenaga elektrik, telekomunikasi, pengangkutan rel dan pelabuhan. Bagaimanapun, sektor pembinaan menguncup pada tahun 1998 dan 1999 sebelum pulih sedikit pada tahun 2000.

Bagi sektor pertanian pula, sebahagian besar pertumbuhannya disumbangkan oleh sektor kecil kelapa sawit dan tanaman makanan.

Selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (NAP3), pembangunan sektor ini telah diorientasikan semula ke arah penggunaan sumber tempatan yang optimum dalam sektor kecil komoditi untuk industri dan makanan melalui peningkatan produktiviti dan persaingan.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk memajukan sektor perkhidmatan sebagai satu sumber pertumbuhan baru serta meningkatkan daya saingan sebagai persediaan menghadapi persekitaran yang lebih liberal.

-- BERNAMA

MR MFJ OS RI